

Pantun Dua Kerat

(Pelbagai)

- 1026 Hati pilu bagai dikilir;
 Ada hulu ada hilir.
- 1027 Buah epal mahal harganya;
 Ada kapal ada nakhodanya.
- 1028 Beranak lapan aduh ramainya;
 Ada sampan ada dayungnya.
- 1029 Kuih dangai atas para;
 Ada sungai ada muara.
- 1030 Buat baja lalu dihimpun;
 Allah sahaja Maha Pengampun.
- 1031 Duduk berkipas berasa tenang;
 Barang lepas jangan dikenang.
- 1032 Dapat laba beli perahu;
 Belum cuba belum tahu.
- 1033 Sahi sekolah secawan kahwa;
 Bersedekah boleh menyejuk jiwa.
- 1034 Ikan kembung ikan tuna;
 Bersifat sombong tidak ke mana.
- 1035 Terhempap kaki kayu balak;
 Dapat rezeki jangan ditolak.

- 1036 Mak Iti naik haji;
Hati-hati membuat janji.
- 1037 Etak-etak tidak berkuah;
Hati berdetak mulut meluahkan.
- 1038 Pungut kelapa tak siapa tegah;
Ibu bapa jangan disanggah.
- 1039 Pasang lukah bersama Pak Lah;
Ikhlaskan bersedekah disayangi Allah.
- 1040 Rumah batu tepi paya,
Ilmu itu puncanya jaya.
- 1041 Datuk Kamal menjadi tamu;
Jangan beramal tiada ilmu.
- 1042 Anak ketam jalan bertatih;
Jangan hitam dikata putih.
- 1043 Pergi pekan membeli santan;
Jangan menyusukan kera di hutan.
- 1044 Hari lusa pergi ke Satun;
Kalau berbahasa biarlah santun.
- 1045 Di dahan keranji hinggap merpati;
Kalau berjanji kena tepati.
- 1046 Disengat lipan aduh sakitnya;
Kita bersopan tiada ruginya.
- 1047 Rumah batu dalam taman;
Malu itu sebahagian iman.
- 1048 Jambu batu buah rambutan;
Marah itu sekutu syaitan.

- 1072 Berleka-leka atas ranjang,
Baru ke pekan lewat pagi;
Namun jika umurku panjang,
Hamba akan berpantun lagi.
- 1073 Gulai haruan goreng toman,
Ulam herba kacang kelisa;
Doakanlah tuan pembaca budiman,
Semoga hamba terus berjasa.